

Muslimah dan Solekan pada Hari Lebaran

Syawal merupakan bulan bagi seluruh umat Islam menyambut hari kemenangan selepas sebulan menunaikan ibadat puasa dengan menahan lapar dan dahaga, serta menahan diri daripada melakukan kemaksiatan. Hari kemenangan yang juga disebut sebagai Aidilfitri ini lazimnya disambut dengan penuh kegembiraan.

Ketika menyambut Aidilfitri, umat Islam disunatkan mengenakan pakaian yang indah dan terbaik. Rasulullah SAW juga dikhabarkan mengenakan pakaian yang terbaik ketika menyambut hari raya. Ibn Umar r.a. menjelaskan bahawa "Rasulullah SAW mengenakan pakaian terbaik dan cantik untuk meraikan kedua-dua hari kebesaran Islam, iaitu Aidilfitri dan Aidiladha." (Hadis riwayat al-Baihaqi).

Imam Syafii turut menjelaskan dalam kitab *al-Umm* bahawa "Aku lebih menyukai seseorang memakai pakaian terbaik yang dimilikinya pada hari-hari raya, iaitu pada hari Jumaat, dua hari raya (Aidilfitri dan Aidiladha) dan tempat diadakan majlis (seperti majlis perkahwinan). Dia hendaklah

memakai baju yang bersih dan memakai wangi-wangian.”

Allah SWT juga menyukai kecantikan sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, “Sesungguhnya Allah itu cantik dan menyukai kecantikan.” (Hadis riwayat Muslim). Berdasarkan hadis ini, jelas bahawa Allah SWT menyukai orang yang mampu menjaga diri dengan menekankan perihal kebersihan dan keindahan diri. Hal ini bukan dikhususkan untuk lelaki sahaja, tetapi termasuk juga wanita, terutamanya apabila menghias diri atau

Batasan yang digariskan oleh syariat Islam dalam hal bersolek bertujuan untuk menjaga maruah dan martabat wanita, bahkan memelihara seseorang daripada perasaan riak dan takbur.

bersolek. Namun begitu, perlu diingat bahawa terdapat batasan yang perlu diteliti oleh kaum wanita khususnya Muslimah dalam hal bersolek agar tidak terjerumus ke lembah kemaksiatan dan dosa.

Menurut *Kamus Dewan Perdana*, bersolek bererti mengenakan solek seperti bedak, gincu atau celak. Pada hakikatnya, Islam tidak melarang wanita untuk bersolek, atau dalam erti kata lain kelihatan bersih dan cantik kerana Islam merupakan agama yang menekankan kebersihan dan kecantikan. Oleh sebab itu, bersolek tidak dilarang secara total, tetapi perlulah mengikut batasan yang telah ditetapkan oleh syariat.

Batasan yang digariskan oleh syariat Islam dalam hal bersolek bertujuan untuk menjaga maruah dan martabat wanita, bahkan memelihara seseorang daripada perasaan riak dan takbur. Maka itu, bersolek dan berhiaslah, namun perlu disesuaikan dengan tempat dan keadaan yang dibenarkan. Yang lebih utama, jangan sampai membawa kepada *tabarruj*. *Tabarruj* ialah memperlihatkan aurat kepada bukan mahram, serta berhias secara berlebihan. Dalam hal ini, al-Qurtubi turut mendefinisikan *tabarruj* sebagai perbuatan menyingkap dan menampakkan perhiasan diri sehingga terlihat pada pandangan mata. Secara lebih spesifik, Ibn Manzur menyatakan bahawa *tabarruj* bermaksud wanita yang mendedahkan perhiasan dan kecantikannya kepada lelaki ajnabi. Hal sebeginilah yang dilarang oleh Islam kerana melampaui batasan yang telah digariskan.

Panduan Ketika Bersolek

Islam agama yang indah dan pedoman hidup bagi setiap urusan kehidupan, bukan sekadar membenarkan dan menghalang sesuatu tanpa garis panduan. Dalam perihal solekan, terdapat beberapa perkara yang boleh dijadikan panduan agar seseorang kekal beribadat kepada Allah SWT dan tidak mengundang dosa.

1 Tidak berlebihan dan melampaui batas.

Amatlah indah jika bersolek hanya sekadar keperluan dan tidak berlebihan. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud, “Wahai anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang yang melampaui batas.” (*Surah al-A'raf* 7:31). Mengambil ibrah daripada ayat ini, para wanita hendaklah sentiasa bersederhana dan tidak melampaui batasan yang pada akhirnya akan mengundang dosa.

2 Tidak mendedahkan aurat kepada lelaki ajnabi.

Antara cara bersolek yang dibenarkan termasuklah dengan tujuan untuk menutup sebarang cela pada wajah, selain menjadikan wajah segar dan tidak kelihatan kusam. Usahlah bersolek sehingga menampakkan rambut, leher atau mana-mana bahagian yang merupakan aurat kepada lelaki ajnabi. Ingatlah pesan Rasulullah SAW yang bermaksud, “Sesungguhnya wanita itu ialah aurat. Apabila dia keluar (dari rumahnya), syaitan akan menjadikan dia cantik (pada pandangan lelaki). Dan dia akan jauh daripada kasih sayang Allah melainkan apabila dia berada di rumahnya.” (Hadis riwayat al-Tirmidzi dan Ibn Hibban).

3 Tidak mengubah wajah asal dan menyerupai sesuatu kaum.

Wanita dilarang mengubah wajah asal seperti membuang alis mata, memakai bulu mata palsu dan lirik hitam pada hujung mata secara berlebihan. Perkara ini bertepatan dengan

larangan Allah SWT dalam firman-Nya yang bermaksud, “Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu serta janganlah kamu mendedahkan diri sebagaimana yang dilakukan oleh orang jahiliah zaman dahulu ...” (*Surah al-Ahzab* 33:33).

Disebutkan juga dalam beberapa hadis bahawa Allah SWT melaknat golongan yang berbuat seperti demikian. Dalam sebuah hadis disebutkan, “Rasulullah SAW melaknat perempuan yang mencukur alisnya atau minta dicukurkan alisnya.” (Hadis riwayat Abu Dawud). Dalam satu hadis lain, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, “Barang siapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia adalah daripada kalangan mereka.” (Hadis riwayat Abu Dawud).

4 Menjauhi tujuan solekan yang dilarang oleh Islam.

Solekan yang dilarang antaranya termasuklah solekan yang bertujuan untuk menarik perhatian jantina berlawanan sehingga membawa kepada fitnah. Pada hakikatnya, apabila Islam mengehadkan sesuatu perkara, terdapat hikmah di sebalik pensyariatannya tersebut. Islam amat menjaga martabat seseorang wanita sehingga setiap suruhan dan larangannya adalah untuk menjauhkan diri daripada berlakunya fitnah yang dapat menjerumuskan diri ke lembah kehinaan.

Abdul Karim Zaidan berpendapat bahawa bersolek sama ada dengan menggunakan

pembayang mata, pemerah pipi dan lipstik hukumnya harus sekiranya menepati tiga syarat, iaitu bukan bertujuan untuk meraih perhatian lelaki ajnabi, mengelakkan bersolek jika mengundang fitnah, dan bahan solekan suci dan selamat menurut syarak.

5 Tetap menunaikan kewajipan agama.

Jangan kerana takut hilangnya kesan solekan dalam tempoh beberapa waktu, maka tuntutan agama yang wajib ditunaikan seperti solat diabaikan. Perkara ini sebenarnya amatlah merugikan diri terutamanya ketika menyambut hari kemenangan pada bulan Syawal. Sedangkan pada bulan Ramadan, solat fardu, solat tarawih dan ibadat lainnya amat dijaga dan ditunaikan sebaik-baik mungkin. Oleh sebab itu, saat bergembira pada bulan Syawal yang mulia, bersama-samalah menjaga batasan yang digariskan agar hari kemenangan yang diraikan setelah sebulan berpuasa tidak menjadi sia-sia.

Solekan, Wuduk dan Solat pada Hari Lebaran

Rentetan daripada perbincangan tentang solekan pada hari lebaran, pasti timbul persoalan dalam kalangan wanita, adakah dibenarkan berwuduk dengan solekan masih terlekat pada wajah? Adakah sah solat jika berwuduk terlebih dahulu dan bersolek sebelum masuk waktu solat?

Tidak sah wuduknya jika tidak membersihkan solekan pada wajah kerana dikhuatiri bahan solekan



i INFO Apa-apa sahaja yang menghalang air daripada sampai kepada anggota wuduk akan mengakibatkan wuduk tidak sah. Apabila wuduk seseorang tidak sah, maka solatnya juga tidak sah.



Tetaplah menunaikan kewajipan kerana kecantikan lahiriah semata-mata tidak dapat menandingi kecantikan batiniah.

itu akan menghalang air daripada terkena anggota wuduk. Oleh sebab itu, ketika berwuduk perlu diutamakan amalan membersihkan solekan, seterusnya berwuduk. Perkara ini ditekankan dalam hadis yang bermaksud, “Seorang lelaki berwuduk dan telah tertinggal basuhan pada kuku kakinya yang dilihat oleh Rasulullah SAW, lalu Baginda bersabda, ‘Ulanglah semula dan berwuduklah dengan sempurna.’ Lalu dia terus mengulangnya dengan sempurna dan mendirikan solat.” (Hadis riwayat Muslim). Berdasarkan hadis ini, dapat difahami bahawa kesempurnaan ketika berwuduk perlu diberikan penekanan.

Solat dengan solekan pada wajah pula hukumnya sah, asalkan telah berwuduk sebelumnya. Namun begitu, perlu dipastikan wuduk kekal terjaga dan tidak terbatal. Pada masa yang sama, bahan solekan tersebut mestilah daripada bahan yang dibenarkan dan bukan daripada bahan yang tidak halal. Jika telah terbatal wuduknya, maka perlu berwuduk semula dengan memastikan solekan dibersihkan

terlebih dahulu untuk memastikan kesempurnaan wuduknya.

Disebutkan dalam sebuah hadis yang bermaksud, “Rasulullah SAW pernah terlewat menyertai kami dalam suatu perjalanan yang kami lakukan. Ketika Baginda menyusuli kami, waktu solat sudah hampir habis. Kami lalu berwuduk dengan hanya mengusap kaki kami (tidak sempurna membasuhnya). Maka itu, Baginda menyeru dengan suara yang keras, ‘Celakalah bagi tumit-tumit yang masuk neraka!’ Baginda menyeru hingga dua atau tiga kali.” (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim). Mengulas hadis ini, Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri menegaskan tentang kepentingan menyempurnakan wuduk dengan memastikan air wuduk benar-benar mengenai semua anggota wuduk. Sekiranya ada yang menghalang, maka akan menyebabkan wuduk seseorang tidak sah.

Kesimpulannya, bersederhanalah ketika bersolek pada hari lebaran. Berpeganglah pada panduan yang digariskan oleh syarak agar tidak terbabas daripada landasan kebenaran. Tetaplah menunaikan kewajipan kerana kecantikan lahiriah semata-mata tidak dapat menandingi kecantikan batiniah. Semoga hari kemenangan yang diraikan di dunia ini, turut sama diraikan pada saat pertemuan dengan Yang Maha Esa pada hari pembalasan. 